

AKTIVITI

ANIS AAINAA AHMAD, SHUKOR SANIM MOHD FAUZI, NURUL AIN ZAKI DAN ATFA HUMAIRA AHMAD ZAINI (Foto Penulis)

WEBINAR UiTM CAWANGAN PERLIS

ARAU, April 2020 – Pandemi koronavirus (COVID-19) telah merubah norma baharu kehidupan. Namun begitu, untuk memastikan setiap individu yang terlibat dalam sistem pendidikan tidak ketinggalan dan dapat mengikuti latihan dan pembelajaran secara berterusan dalam keadaan yang selamat, webinar secara dalam talian dianjurkan. Sehubungan dengan itu, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni dan Keusahawanan (PJIM&A) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis mengambil inisiatif dengan menganjurkan beberapa siri webinar dalam talian yang berkaitan dengan perundingan dan penerbitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk memastikan warga UiTM Cawangan Perlis dapat terus kekal produktif.


Antara latihan dalam talian yang dijalankan ialah "*Publish and Flourish: Journal Indexing Clarified*" yang diberikan oleh Dr. Ang Lee Sin, Koordinator PRISMa UiTM Cawangan

Perlis. Taklimat yang diadakan ini bertujuan untuk menerangkan pengindeksan dalam penerbitan jurnal kepada ahli akademik, di samping

menekankan beberapa perkara penting tentang sistem PRISMa.

Dalam siri webinar kali ini, Dr. Ang Lee Sin membahagikan slot latihan beliau kepada dua, iaitu slot pertama yang mengambil masa 30 minit menerangkan *Journal Indexing Clarified* kepada para akademik. Dalam slot tersebut, Dr. Ang Lee Sin menerangkan pentingnya sesebuah pengindeksan kepada jurnal yang telah ditulis oleh para penyarah kerana berupaya membuktikan ketepatan sesebuah rekod jurnal yang sudah ditulis. Beliau turut berkongsi cara untuk memastikan sesebuah jurnal tersebut sesuai untuk diterbitkan berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan. Sementara itu, untuk slot yang kedua, beliau menyampaikan taklimat tentang PRISMa. Beliau memberikan penerangan yang jelas untuk ahli akademik untuk mendaftar jurnal mereka dengan betul dalam sistem PRISMa.

Seterusnya untuk sesi webinar yang kedua, "*Publish and Flourish: Advise*



Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perlis
Kampus Alor

Publish and Flourish
Journal Indexing Clarified

👤 Dr Ang Lee Sin PRISMa Coordinator
🕒 3.00pm - 4.00pm
📅 17 April 2020 (Jumaat)
📍 Google Meet ID : <https://meet.google.com/vxr-dqzq-vyb>

Organiser:
Unit Penerbitan, Perundingan & Kecemerlangan,
Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri,
Masyarakat Dan Alumni, UiTM Perlis

Sesi webinar pada 17 April 2020 yang disampaikan oleh Dr. Ang Lee Sin.


and Tips for Beginner" disampaikan oleh Sr. Gs. Dr. Fazly Amri Mohd. Sesi ini bertujuan untuk menerangkan secara jelas cara menulis jurnal dengan betul serta menulis jurnal penyelidikan mengikut kehendak pembaca yang terkini, di samping menekankan strategi penerbitan yang betul.

Sekiranya penulisan jurnal penyelidikan sudah lengkap, tetapi tidak mempunyai strategi penerbitan yang betul, hal ini boleh menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis tidak dapat diterima oleh pembaca yang memerlukan jurnal penyelidikan tersebut. Dengan perkongsian webinar tersebut, ahli akademik beroleh manfaat daripada taklimat yang diadakan ini.

Pada permulaan sesi webinar ini, Dr. Fazly menerangkan serba sedikit tentang penulisan seperti jenis penulisan yang boleh dibuat. Antaranya termasuklah penulisan surat khabar, tesis, penulisan akademik dan beberapa lagi jenis penulisan yang lain. Setiap jenis penulisan mempunyai format yang tersendiri dan perkara ini ditekankan dalam sesi webinar agar ahli akademik tidak melakukan kesalahan dalam format penulisan.

Penggunaan bahasa juga amat dititikberatkan kerana untuk penulisan jurnal penyelidikan, bahasa yang digunakan hendaklah formal dan bukannya bahasa yang dicampuradukkan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Sesi perkongsian yang segar dan bermotivasi yang disampaikan oleh Dr. Fazly secara santai dan mudah difahami oleh hadirin ini melibatkan peserta yang terdiri daripada staf akademik dan para pelajar pascasiswazah.

Webinar yang terakhir pada April 2020 ialah "Constructions of Problem Statement in Social Science" yang disampaikan oleh Dr. Syafiq Shahrudin. Dalam sesi webinar ini, Dr. Syafiq menekankan kepentingan untuk menghasilkan pernyataan masalah dengan betul agar mudah difahami oleh pembaca. Sesi ini merangkumi beberapa perkara yang penting untuk memastikan pernyataan masalah yang disenaraikan oleh ahli akademik dalam penulisan penyelidikan mereka sesuai dengan kajian yang dilakukan. Secara keseluruhan, perbincangan yang dikendalikan oleh Dr. Syafiq telah



Publish and Flourish
Construction of Problem Statement
in Social Science Research

Dr. Shafiq Shahrudin
3.00pm - 4.00pm
30 April 2020 (Thursday)
Google Meet ID : <https://meet.google.com/bon-xaamg>


Organizer :
Unit Penerbitan,
Perundingan & Kecemerlangan,
Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri,
Masyarakat Dan Alumni, UiTM Perlis

Sesi webinar pada 30 April 2020 secara dalam talian dengan menggunakan capaian Google Meet.

memberikan petanda yang positif ke arah penghasilan pernyataan masalah yang bersesuaian.

Sesi webinar secara dalam talian boleh menjadi wadah baharu dalam sektor pendidikan. Jelaslah bahawa norma baharu ini bukan sahaja dapat menarik lebih banyak peserta untuk menimba ilmu pengetahuan, bahkan menjadi satu mekanisme baharu yang boleh diteruskan untuk memudahkan ahli akademik berinteraksi dan berkongsi idea tentang sesuatu topik. Teknologi pada masa ini memberikan peluang kepada kita untuk menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran di mana-mana sahaja walaupun dikekang dengan PKP akibat rebakan pandemik COVID-19.

Ilmu yang diperoleh semasa sesi webinar diharap dapat terus dipraktikkan agar tidak menjadi sia-sia kerana satu daripada proses untuk mahir dan belajar sesuatu perkara adalah dengan mengamalkan ilmu tersebut dalam aktiviti harian kita. ☑



PUBLISH AND FLOURISH
ADVISE AND TIPS FOR BEGINNER

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SPEAKER
SR. GS. DR. FAZLY AMRI BIN MOHD

DATE
22 APRIL 2020 | WEDNESDAY
3.00 PM - 4.00 PM

Organizer :
Unit Penerbitan, Perundingan & Kecemerlangan,
Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri,
Masyarakat Dan Alumni, UiTM Perlis

GOOGLE MEET
[HTTPS://MEET.GOOGLE.COM/GXV-PWKJ-ONS](https://meet.google.com/gxv-pwki-ons)

Sesi webinar bersama-sama Sr. Gs. Dr. Fazly Amri Mohd pada 22 April 2020.